

Persepsi Guru Pelatih Matematik Utm Terhadap Penulisan Reflektif Semasa Latihan Mengajar

Noor Azlan Bin Ahmad Zanzali & SHPH. AKLIMA NADIA BINTI SYED ALWI
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengkaji persepsi guru pelatih terhadap bimbingan guru dan pensyarah pembimbing mengenai penulisan reflektif semasa latihan mengajar, tahap amalan refleksi di kalangan guru pelatih dan sejauh mana penulisan reflektif dapat membantu guru pelatih untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran di dalam bilik darjah. Seramai lima guru pelatih matematik Universiti Teknologi Malaysia yang menjalani latihan mengajar di tiga buah sekolah sekitar Kulai dipilih secara rawak sebagai responden dalam kajian ini. Instrumen yang digunakan adalah terdiri daripada ruangan refleksi sendiri dalam buku persediaan mengajar dan soalan temu bual yang dilaksanakan ke atas responden. Pola penulisan guru pelatih matematik dianalisa untuk mengetahui tahap penulisan refleksi yang dianalisa dengan berpandukan kategori tahap yang dicadangkan oleh Hatton dan Smith (1995). Temu bual pula ditranskrip dan dianalisa menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil dapatan kajian mendapati guru dan pensyarah pembimbing tidak memberikan bimbingan yang sepenuhnya mengenai penulisan reflektif pada ruangan refleksi sendiri guru pelatih matematik. Selain itu, penulisan refleksi yang dipamerkan guru pelatih matematik hanya berada pada tahap deskriptif sahaja. Walaubagaimanapun, guru pelatih matematik mengatakan bahawa penulisan reflektif pada ruangan refleksi sendiri banyak membantu mereka dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran dalam bilik darjah. Penyelidikan ini diharapkan dapat memberikan sumbangan untuk mempertingkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran matematik dan penekanan yang lebih mendalam mengenai penulisan reflektif daripada pelbagai pihak.

Katakunci : persepsi guru pelatih matematik, penulisan reflektif

Pendahuluan

Guru memainkan peranan yang penting dalam menentukan taraf pendidikan sesebuah negara. Imam Al- Ghazali menakrifkan guru sebagai seseorang menyampaikan sesuatu yang baik, positif, kreatif atau membina kepada seseorang yang berkemampuan tanpa mengira peringkat umur walau terpaksa melalui dengan pelbagai cara dan kaedah sekali pun tanpa mengharapkan sebarang ganjaran (Hamid Fahmy Zarkasyi, 1990, hlm. 67). Guru merupakan pemangkin wadah perjuangan untuk pelajar membina daya pemikiran analitik, kritis, dan kreatif bagi membentuk individu- individu yang boleh menyesuaikan diri dengan perubahan- perubahan yang berlaku di sekeliling mereka (petikan Boon Pong Ying).

Bagi melahirkan bakal guru yang berkesan dengan kehendak terkini sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan pelbagai inisiatif yang telah diambil oleh kerajaan. Di Institusi Pengajian Tinggi Awam, seperti di Universiti Teknologi Malaysia, pengajaran mikro dan latihan praktikum diwajibkan ke atas semua mahasiswa Fakulti Pendidikan. Pengajaran mikro memberi peluang kepada bakalbakal guru untuk mengaplikasikan prinsip dan teknik pengajaran yang perlu dikuasai untuk melaksanakan sesuatu proses pengajaran di dalam kelas. Pelajar didedahkan dan dibimbing untuk menyediakan perancangan pengajaran, pelaksanaan, pengenalan, perkembangan dan penutup pengajaran, pelbagai teknik penyampaian, penyoalan dan penilaian perkembangan murid, penggunaan papan tulis dan alat bantu mengajar serta komunikasi di

dalam kelas. Latihan mengajar pula bertujuan untuk memberi peluang guru mengamalkan segala teori dan kaedah mengajar yang dipelajari dalam suasana sebenar bilik darjah.

Walaupun bagaimanapun, kajian yang dilakukan oleh Jemaah Nazir Persekutuan (1989) dan beberapa orang penyelidik barat seperti Barnett, et al., (1987) menunjukkan bahawa program latihan yang sedang diamalkan di institusi- institusi pendidikan guru kurang berjaya untuk mendidik guru dengan cemerlang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa masalah yang dihadapi dalam bidang pendidikan guru ialah teori dan amali tidak bergerak seiring (petikan daripada Jurnal Pendidikan IPBA 2002, hlm. 1). Selain itu, dalam kajian *The New Teacher in School* (HMI, 1988) HMI menemukan bahawa para guru baru merasakan latihan mereka terlampau banyak menekankan terhadap pembelajaran pendidikan dan terlalu sedikit terhadap aspek latihan pengajaran di dalam kelas. Penggabungan institut oleh Universiti Sheffield dan Stockholm Institute of Education (Deas et al., 1989) melaporkan pelajar mengadu terlalu banyak teori dan amali tidak mencukupi.

Oleh hal demikian, usaha dalam mengintegrasikan teori dan amali, guru pelatih akan didedahkan kepada banyak pilihan tentang teknik dan strategi yang boleh dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sejalan dengan itu, guru haruslah bijak dan berfikir ke hadapan untuk memastikan pengajaran mereka bermakna kepada pelajar. Dalam menentukan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai, guru haruslah merenung kembali proses pengajaran mereka. Proses merenung, menilai pengajaran guru merupakan proses refleksi. Refleksi ditakrifkan sebagai pemikiran mengenai pengajaran. Ianya merangkumi pemikiran guru sebelum, semasa dan selepas iaitu pengajaran guru semasa mengajar. Ramai pendidik bersetuju bahawa amalan refleksi merupakan matlamat yang diperlukan dalam program pendidikan guru (Kennedy, 1989; Loughran, 1995; Richardson, 1990; Ross, 1989; Wildman, et al., 1990; dalam Allen & Casbergue, 1997). Donald Schön (1983, 1987) mengatakan, amalan reflektif merupakan inti pati “perbualan reflektif” yang melibatkan pengajar, pelajar, keluarga dan juga guru lain. Jesteru itu, timbulnya kesedaran tentang kepentingan amalan refleksi dalam pengajaran dan pembelajaran. Amalan refleksi dapat diterapkan dalam penulisan reflektif.

Pernyataan Masalah

Berdasarkan latar belakang masalah yang dikaji, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti persepsi guru pelatih matematik UTM terhadap penulisan reflektif semasa latihan mengajar khususnya yang dialami oleh guru pelatih tahun tiga Kursus Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Matematik), (3SPM) dan Kursus Sarjana Muda Sains Komputer Serta Pendidikan (Matematik), (3SPT) sesi 2008/2009. Kajian difokuskan kepada mengkaji persepsi guru pelatih terhadap bimbingan yang diberikan oleh guru dan pensyarah pembimbing terhadap penulisan reflektif, tahap amalan penulisan reflektif di kalangan guru pelatih menurut tahap amalan refleksi Hatton dan Smith (1995) dan juga sejauh mana penulisan reflektif dapat membantu guru pelatih dalam meningkatkan pengajaran di dalam bilik darjah.

Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji:

- i. Persepsi guru pelatih terhadap bimbingan yang diberikan oleh guru dan pensyarah pembimbing mengenai penulisan reflektif semasa latihan mengajar.
- ii. Tahap amalan refleksi di kalangan guru pelatih semasa latihan mengajar menurut tahap amalan refleksi Hatton dan Smith (1995).

- iii. Sejauh mana penulisan reflektif dapat membantu guru pelatih untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran di bilik darjah.

Kajian ini memberi tumpuan terhadap kemampuan guru pelatih matematik mengaplikasikan penulisan reflektif pada ruangan refleksi sendiri dalam pengajaran. Oleh itu, penyelidik berharap kajian dapat mengetahui persepsi guru pelatih terhadap bimbingan yang diberikan oleh guru dan penarah pembimbing kepada mereka mengenai penulisan reflektif pada ruangan refleksi sendiri dalam buku persediaan mengajar, tahap amalan refleksi guru pelatih menurut tahap amalan refleksi Hatton dan Smith (1995) dan juga sejauh mana penulisan reflektif dalam membantu guru pelatih dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran di dalam bilik darjah.

Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan impak kepada beberapa pihak iaitu pihak guru sendiri, pelajar, sekolah, Fakulti Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia dan juga kepada penyelidik.

Guru : Kajian ini diharapkan dapat memberi peluang kepada guru untuk menganalisis diri serta menyedari tentang kekuatan dan kelemahan diri semasa proses pengajaran demi untuk peningkatan diri.

Pelajar : Dengan adanya kajian ini, diharapkan pelajar lebih memahami dengan mendalam proses pembelajaran yang berlaku. Ini kerana amalan refleksi membolehkan guru- guru menilai diri sendiri tentang pengajaran, memperoleh maklumbalas daripada rakan- rakan, membaca penulisan refleksi rakan- rakan dan berkongsi maklumat tentang strategi- strategi pengajaran dan pembelajaran.

Sekolah : Kesedaran para guru tentang amalan refleksi dalam mempertingkatkan profesionalisme diri masing- masing membolehkan pihak sekolah sentiasa berada di hadapan dan secara tidak langsung melahirkan para guru yang bergerak seiring dengan arus perubahan dalam era teknologi dan globalisasi ini.

Fakulti Pendidikan : Kajian ini juga dapat memberikan gambaran kepada kita terhadap tahap penulisan reflektif di kalangan guru pelatih dan bimbingan yang diberikan kepada guru pelatih sebelum menjalani latihan mengajar iaitu semasa pengajaran mikro. Secara tidak langsung pihak yang berkenaan dapat mengambil inisiatif untuk mendedahkan kepada guru pelatih cara yang lebih berstruktur, teratur dan sistematik tentang langkah- langkah pelaksanaan penulisan refleksi. Selain itu, kajian ini memberikan satu gagasan untuk dipertimbangkan oleh pihak Fakulti Pendidikan UTM untuk menjadikan pemikiran dan amalan refleksi sebagai satu mata pelajaran teras bagi menggalakkan pengaplikasian amalan ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Penyelidik : Kajian ini juga diharap dapat memberi kesedaran kepada penyelidik terhadap kepentingan penulisan reflektif dalam pengajaran dan pembelajaran supaya dapat meningkatkan profesionalisme diri untuk menjadi bakal guru yang efektif kelak.

Reka Bentuk kajian

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan yang menggunakan kaedah kualitatif reka bentuk deskriptif untuk pengumpulan data. Kajian ini dilaksanakan semasa tempoh latihan mengajar dijalankan. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji persepsi guru pelatih matematik terhadap penulisan reflektif semasa latihan mengajar dalam membantu mempertingkatkan amalan refleksi di kalangan guru pelatih matematik. Bagi mencapai tujuan tersebut, penyelidik bertindak mengenalpasti bimbingan yang diberikan oleh guru pembimbing

dan pensyarah pembimbing kepada guru pelatih matematik terhadap penulisan reflektif, kategori tahap penulisan reflektif guru pelatih matematik dengan menggunakan kategori tahap penulisan reflektif menurut Hatton dan Smith (1995) serta mengenal pasti sejauh manakah penulisan reflektif dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran di dalam bilik darjah.

Bagi mengkaji bimbingan penulisan reflektif oleh guru pembimbing dan pensyarah pembimbing kepada guru pelatih matematik dan pengaruh penulisan reflektif di dalam bilik darjah, penyelidik menemu bual soalan responden dengan soalan- soalan yang berkaitan dengan kajian. Soalan- soalan yang diajukan adalah berkenaan dengan bimbingan yang diberikan kepada responden oleh guru pembimbing dan pensyarah terhadap penulisan reflektif dan juga aspek penulisan reflektif dalam keberkesanan pengajaran dalam bilik darjah.

Tahap penulisan reflektif responden dikenalpasti melalui kategori tahap penulisan reflektif menurut Hatton dan Smith (1995). Tahap penulisan reflektif ditentukan dengan berpandukan buku persediaan mengajar dan jurnal refleksi sepanjang tempoh latihan mengajar dan juga hasil daripada temu bual. Tahap penulisan reflektif ditentukan dengan berdasarkan kepada penulisan reflektif guru pelatih matematik. Penyelidik menganalisis dengan menyemak dan meneliti serta ditentukan tahap refleksi berdasarkan kepada tahap amalan penulisan yang dikemukakan oleh Hatton dan Smith (1995) untuk mengkategorikan tahap penulisan guru pelatih matematik. Selain itu, penyelidik juga mendapatkan salinan buku persediaan mengajar guru pelatih matematik.

Sampel Kajian

Responden kajian ini terdiri daripada seramai lima orang guru pelatih matematik terlibat dalam kajian bagi mengenal pasti amalan semasa yang menggambarkan keadaan sebenar yang berlaku dalam latihan mengajar UTM. Guru pelatih matematik ini mengajar mata pelajaran matematik merangkumi mata pelajaran matematik tambahan. Jumlah responden juga adalah bersesuaian dengan reka bentuk kajian kualitatif secara deskriptif ini. Ary, D., Jacobs, L. C., Razavieh, A. (1996, dalam: NorHasniza, 2006) menyatakan penyelidikan secara kualitatif membenarkan jumlah perrespondenan yang kecil kerana ianya dilaksanakan secara mendalam.

Azizi Yahaya dalam buku 'Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan' menyatakan bilangan minimum responden bagi kajian pula bergantung pada beberapa perkara seperti saiz populasi, saiz sel- sel yang hendak di bandingkan dan jenis reka bentuk kajian yang digunakan. Ianya seperti dalam jadual di bawah;

Jadual 3.1: Bilangan responden minimum mengikut jenis kajian (Gay, 1981)

Jenis kajian yang digunakan	Bilangan responden minimum yang diperlukan
Kajian deskriptif	10% daripada populasi
Kajian korelasi	30 orang bagi sesuatu kumpulan
Kajian berbentuk eksperimental	15 orang bagi sesuatu kumpulan
Kajian perbandingan sebab	30 orang bagi sesuatu kumpulan

(Sumber: Azizi Yahaya, 2007)

Oleh itu, seramai lima orang responden daripada 51 guru pelatih matematik terlibat dalam kajian ini mengikut bilangan responden yang dianjurkan oleh Gay, 1981.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan bagi kajian ini adalah terdiri daripada ruangan refleksi sendiri dalam buku persediaan mengajar dan soalan temubual.

Keseluruhan Dapatan Kajian

Jadual 2: Dapatan Kajian

Responden	Aspek Bimbingan	Pola penulisan refleksi sendiri	Keberkesanan penulisan reflektif dalam pengajaran di bilik darjah
	GP: <ul style="list-style-type: none">lebih menekankan kepada kelemahan dan kekuatan	<ul style="list-style-type: none">Objektif pengajaranKemahiran komunikasi	<ul style="list-style-type: none">Penulisan reflektif adalah pentingBagi
A	pengajaran. <ul style="list-style-type: none">Teknik pengajaran yang bersesuaian juga diberikan perhatianMengatasi kelemahan yang ada dalam proses pengajaran dan pembelajaran PP: <ul style="list-style-type: none">Teknik pengajaranUtamakan pembelajaran berpusatkan kepada pelajarGalakkan komunikasi dua hala antara guru dan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran.	<ul style="list-style-type: none">Aspek yang berkaitan dengan diri sebagai guruKefahaman pelajarCatatan tidak berkaitan	melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah
B	GP: <ul style="list-style-type: none">proses pengajaran dan pembelajaranmemberikan galakan dan memotivasikan responden B untuk terus berjaya dan maju. PP: <ul style="list-style-type: none">tekanan strategi dan teknik pengajaran supaya bersesuaian dengan keadaan bilik darjah.	<ul style="list-style-type: none">Objektif pengajaranKefahaman pelajarCatatan tidak berkaitanNilai dan tanggapan individu	<ul style="list-style-type: none">Penulisan reflektif banyak membantu.Dapat ketahui kaedah pengajaran yang sesuai dalam bilik darjah.

C	<p>GP:</p> <ul style="list-style-type: none"> • perancangan pengajaran • perancangan yang lebih spesifik bagi kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran 	<ul style="list-style-type: none"> • Teknik pengajaran • Pengurusan masa • Objektif pengajaran • Pengurusan kelas • Interaksi pelajar • Penggunaan teknologi 	<ul style="list-style-type: none"> • Penulisan reflektif adalah penting. • Dapat ketahui kekuatan dan kelemahan pengajaran: diri dan pelajar • Banyak
	<p>PP:</p> <ul style="list-style-type: none"> • kelemahan dan kekuatan • tekankan aspek pedagogi matematik 	<ul style="list-style-type: none"> • Kefahaman pelajar • Catatan tidak berkaitan • Komitmen dan matlamat • Tiada catatan 	<p>membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran.</p>
D	<p>GP:</p> <ul style="list-style-type: none"> • tekankan mengenai teknik pengajaran <p>PP:</p> <ul style="list-style-type: none"> • kaedah pengajaran yang bersesuaian dalam kelas • tekankan kekuatan dan kelemahan responden D semasa proses pengajaran. • Nasihatkan supaya merefleks kembali pengajaran untuk memperbaiki kebolehan dan kelemahan yang ada semasa proses pengajaran. 	<ul style="list-style-type: none"> • Teknik pengajaran • Objektif pengajaran • Pengurusan masa • Minat pelajar • Tingkah laku • Interaksi pelajar • Penggunaan teknologi dalam pengajaran • Kefahaman pelajar • Catatan tidak berkaitan • Aspek yang berkaitan dengan diri sebagai guru • Nilai dan tanggapan individu • Tiada catatan 	<ul style="list-style-type: none"> • Penulisan reflektif banyak membantu. • Tidak faham langsung mengenai penulisan reflektif.

E	GP: <ul style="list-style-type: none"> • strate gi pengajaran dan pembelajaran • ruangan refleksi sendiri dapat dituliskan tindakan yang patut responden E laksanakan pada pengajaran akan datang. PP: <ul style="list-style-type: none"> • beri pandangan dan berbincang mengenai strategi pengajaran dan 	<ul style="list-style-type: none"> • Objektif pengajaran • Pengurusan masa • Minat pelajar • Interaksi pelajar • Tingkah laku pelajar • Penggunaan teknologi dalam pengajaran matematik • Kefahaman pelajar • Catatan tidak berkaitan • Nilai dan tanggapan individu 	<ul style="list-style-type: none"> • Penulisan reflektif banyak membantu. • Dapat ketahui kekuatan dan kelemahan dalam pengajaran. • Dapat memperbaiki dan mencari penyelesaian masalah yang timbul.
	pembelajaran responden E.	<ul style="list-style-type: none"> • Komitmen dan matlamat 	

Perbincangan

Skop perbincangan di dalam bab ini adalah berdasarkan kepada objektif kajian iaitu persepsi guru pelatih terhadap aspek bimbingan yang diberikan oleh guru dan pensyarah pembimbing semasa latihan mengajar, tahap amalan refleksi di kalangan guru pelatih semasa latihan mengajar menurut Hatton dan Smith (1995) dan sejauh mana penulisan reflektif dapat membantu guru pelatih untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran di bilik darjah.

Antara aspek yang ditekankan oleh guru dan pensyarah pembimbing adalah kekuatan dan kelemahan guru pelatih matematik dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Majoriti guru dan pensyarah pembimbing guru pelatih matematik menekankan aspek ini untuk guru pelatih matematik memperbaiki kelemahan/kelemahan yang wujud semasa proses pengajaran berlangsung. Selain itu, teknik dan kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan bilik darjah juga ditekankan oleh guru dan pensyarah pembimbing guru pelatih matematik. Gaya pembelajaran guru pelatih matematik turut diberi perhatian iaitu pembelajaran yang berpusatkan kepada pelajar dan komunikasi dua hala antara guru dan pelajar. Di samping itu, bimbingan mengenai perancangan pengajaran yang lebih sistematik dan terperinci oleh guru pelatih matematik turut diberi bimbingan oleh guru dan pensyarah pembimbing. Guru pelatih matematik juga dinasihatkan menekankan dan memahami mendalam mengenai aspek pedagogi matematik kerana ianya merupakan aspek yang terpenting dalam menentukan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Terdapat empat kategori penulisan refleksi guru pelatih yang telah ditegaskan oleh Hatton dan Smith (1995). Ianya adalah penulisan deskriptif, penulisan refleksi deskriptif, penulisan refleksi dialog dan penulisan refleksi kritikal. Brookfield (1995) pula menegaskan bahawa refleksi pada tahap kritikal sahaja yang berupaya mengubah segala kelemahan seseorang guru pelatih dan berupaya meningkatkan prestasi mereka ke arah pembangunan professional yang berkualiti.

Analisa yang dijalankan terhadap penulisan refleksi guru pelatih matematik melalui pola penulisan dalam buku persediaan mengajar menunjukkan bahawa majoriti mereka (89.44 peratus) hanya mampu berada pada tahap penulisan deskriptif diikuti sebanyak 7.91 peratus yang tidak mencatatkan apa-apa penulisan dan hanya 2.64 peratus penulisan refleksi yang berada pada tahap penulisan refleksi deskriptif.

Rujukan

- Azizi Yahaya (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan* (2nd ed.). Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Brubacher, John W., Case, Charles W., and Reagan, Timothy G. (Eds.) (1994). *Becoming a Reflective Educator How to Build a Culture of Inquiry in the Schools*. Rebecca Holland: Corwin Press. Inc..
- Cowan, John (2006). *On Becoming an Innovative University Teacher*. New York, USA: Library of Congress Cataloging- in- Publication Data.
- Eby, Judy W. (1998). *Reflective Planning, Teaching, and Evaluation K-12 (2nded.)*. Upper Saddle River, New Jersey Columbus, Ohio: Prentice- Hall, Inc.
- Francis, D. (1995). The reflective journal: A window to preservice teachers' practical knowledge. *Teaching and teacher education*. 11(3), 229- 241.
- Hasriani binti Adjeng, (2007). *Faktor Yang Mempengaruhi Keyakinan Guru Pelatih Matematik Semasa Latihan Mengajar*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Mei, L. W. (2008). *Bimbingan oleh guru pembimbing kepada guru pelatih UTM*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Nor Hasniza binti Ibrahim (2006). *Kajian pemikiran dan amalan refleksi di kalangan guru pelatih sains UTM*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Ponnudurai, Jaya P. (2002). Reflective writing among pre- service teacher trainees of Institut Perguruan Bahasa- Bahasa Antarabangsa. *Jurnal Pendidikan IPBA*. 2(5), 24- 42.
- Ray, B. B., & Coulter, G. A. (2008). *Reflective practices among language arts teachers: The use of weblogs*. Contemporary Issues in Technology and Teacher Education, 8(1), 6- 26. Idaho State University.
- Shaw, Rowie (1995). *Teacher Training in Secondary Schools* (2nd ed.). London N19JN: British Library Cataloguing in Publication Data.
- Ying, B. P. (2002). Amalan reflektif ke arah peningkatan profesionalisme diri guru. *Jurnal IPBA*. 3(2), 102- 109.
- Zuckermann, T. & Rajuan, M.(2008). *Form journal writing to action research: Steps toward systematic reflective writing*. Hochschule und Beruf: Schreiben in Schule.